

## HARI MINGGU PRAPASKA KE-2 (A)

Kejadian 12:1-4; Mazmur 32:4-5. 18-20. 22. R/ ayat. 22; 2 Timotius 1:8-10  
Matius 17:1-9

### **Tema: PRAPASKA ADALAH MASA DIMANA KITA MENGANGKAT SALIB-SALIB KITA UNTUK MENGIKUTI YESUS KEPADA KEMATIAN DAN KEBANGKITAN-NYA**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Kedua Prapaska dalam Tahun Liturgi A. Prapaska adalah masa persiapan kita untuk merayakan Paska! Prapaska adalah masa dimana kita bersedia untuk merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, dan kematian dan kebangkitan kita bersama Dia di dalam sakramen Pembaptisan!

Prapaska dengan itu adalah masa dimana para katekumen kita membuat persediaan untuk pembaptisan mereka dan dimana mereka yang sudah dibaptis akan bersiap untuk pembaharuan pembaptisan mereka pada Malam Menjelang Paska, supaya kita juga akan mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke hidup baru Paska! Prapaska dengan itu adalah masa untuk bertobat. Prapaska dengan itu adalah masa untuk mengangkat salib-salib kita untuk mengikuti Yesus ke dalam kematian dan kebangkitan-Nya!

Injil hari ini memberitahu kita mengenai penampakan kemuliaan Tuhan! Rupa-Nya bercahaya seperti matahari dan pakaian-Nya putih seperti terang! Tetapi yang lebih penting, Injil hari ini memberitahu kita bahawa Allah Bapa berbicara dari awan yang bersinar-sinar dan berkata:

**“Inilah Anak-Ku yang Aku kasihi. Dia menyenangkan hati-Ku. Dengarkanlah Dia”. (Mat 17:5; SM)**

Iaitu, Yesus adalah Putera Allah. Dia dikasihi oleh Allah Bapa-Nya. Dia adalah juga Hamba Kesengsaraan Allah (“Dia menyenangkan hati-Ku”: Yes 42:1). Dengarkanlah Dia, terutama apabila Dia memberitahu kamu mengenai kematian dan kebangkitan-Nya dan kematian dan kebangkitan kita bersama Dia ke dalam hidup yang baru!

Injil berakhir dengan Yesus mengarah para murid-Nya supaya tidak memberitahu mengenai dipermuliakan tersebut sehingga selepas kebangkitan-Nya dari maut. Dipermuliakan ini bukanlah kebangkitan. Dipermuliakan ini adalah bayangan akan datang, sesuatu yang diperlihatkan akan kebangkitan. Dipermuliakan adalah penglihatan sepintas lalu akan kebangkitan untuk menguatkan iman para murid-murid-Nya dan untuk menyiapkan mereka menghadapi kematian dan kebangkitan Yesus dan juga untuk kematian dan kebangkitan mereka sendiri bersama Yesus!

Itulah sebabnya mengapa dalam semua ketiga-tiga Injil (Matius, Markus dan Lukas) Penampakan Kemuliaan ditemui hanya selepas wahu mengenai kesengsaraan, kematian dan kebangkitan Yesus; dan arahan-Nya kepada murid-murid-Nya agar mengangkat salib-salib mereka untuk mengikuti-Nya ke dalam kematian dan kebangkitan-Nya! (Mat 16:21-25)

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Dalam bacaan pertama Allah memanggil Abraham untuk meninggalkan negerinya, keluarganya dan rumah bapanya untuk pergi ke tanah yang Allah akan tunjukkan kepadanya; dan Allah akan memberkatinya dan melalui dia, Allah akan memberkati seluruh bangsa-bangsa dunia!

Abraham harus memutuskan segala hubungan duniawi dan pergi ke suatu tempat yang tidak dikenalinya! Ini adalah perlakuan iman yang pertama Abraham! (NJB) Disebabkan oleh iman Abraham, Allah memberkatinya dan melaluiinya Allah memberkati seluruh bangsa-bangsa dunia!

Abraham disini memperlihatkan Yesus Kristus! Disebabkan iman Yesus Kristus dalam Allah Bapa-Nya, Allah Bapa mengangkat-Nya dari kematian dan melalui Dia Allah Bapa akan membangkitkan semua orang berdosa yang telah mati kepada kehidupan!

3. Mazmur antarbacaan adalah madah harapan kepada Allah dan dalam kasih-Nya! Dengan itu kita menyahut tiga kali:

**“Tunjukkanlah kiranya kasih setia-Mu, ya Tuhan, sebab pada-Mulah kami berharap.” (Mzm 32(33):22; SM)**

Mazmur antarbacaan mempunya tiga rangkap. Rangkap pertama memberitahu kita mengenai “Sabda ciptaan Allah” (ayat 4-5; NJBC). Rangkap kedua memberitahu kita bahawa “Allah sendiri adalah penyelamat”(ayat 18-19;NJBC). Dalam rangkap ketiga “Komuniti beriman menyatakan harapan mereka kepada kasih setia Allah” (ayat 20-22; HCBS). Justru itu kita baca dalam rangkap ketiga:

**“Maka kita berharap pada Tuhan, Dialah penolong dan perisai kita. Tunjukkanlah kiranya kasih setia-Mu, ya Tuhan, sebab pada-Mulah kami berharap.” (Mzm 32:20 & 22; SM)**

4. Bacaan kedua memberitahu kita untuk bertahan dalam kesusahan demi Kabar Gembira, iaitu, untuk sengsara demi kehidupan dan pewartaan Kabar Gembira! (Lefrois; CSB). Kabar Gembira adalah kematian dan kebangkitan Yesus Kristus demi untuk penyelamatan para pendosa! Justru itu kita baca dalam bacaan kedua:

**“ikutlah menderita bagi Injil Tuhan.....yang oleh Injil telah mematahkan kuasa maut dan mendatangkan hidup yang takkan binasa.” (2 Tim 1:8a. 10b; SM)**

5. Dalam masa Prapaska ini, Gereja meminta kita berdoa, berpuasa dan bersedekah, bukan sebagai hukuman kerana dosa kita, tetapi untuk membantu kita bertobat, untuk membantu kita mengangkat salib-salib kita untuk mengikuti Yesus ke dalam kematian dan kebangkitan-Nya, supaya kita dapat menhidupkan hidup baru Paska! Berkat Prapaska kepada kamu semua! Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil dan komuniti-komuniti kecil:**

1. Salib-salib apakah yang akan kamu angkat pada musim Prapaska ini untuk dibawa bersama Yesus ke dalam kematian dan kebangkitan-Nya? Adakah kamu berdoa? Adakah kamu berpuasa? Adakah kamu bersedekah kepada yang miskin dan memerlukan?

2. Apakah yang dikatakan kepada kamu dalam petikan pesanan Prapaska Sri Paus Fransiskus : “Aku tidak percaya kepada kerja amal tanpa kos dan tidak menyakitkan.”?

3. Adakah kamu menderita kerana kehidupan dan pewartaan Kabar Gembira?

4. Apa bezanya antara penampakan kemuliaan dan kebangkitan? Mengapa adanya penampakan kemuliaan Tuhan? Percayakah kamu bahawa salib itu mulia?

5. Apakah perlakuan iman Abraham yang pertama? Apakah akibatnya disebabkan oleh iman Abraham?

6. Apakah yang kamu harapkan? Adakah kamu mengharap dalam kasih setia Allah?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); HarperCollins Study Bible (HCSB); Catholic Study Bible (CSB); Sunday Missal (SM).**